

## Malaysia bertindak untuk Keadilan Iklim di COP28

Greenpeace beraksi di Minggu Iklim Asia Pasifik (APCW) 2023 menuntut kerajaan Malaysia supaya mengukuhkan agenda iklimnya.

Juru Kempen dan sukarelawan Greenpeace Malaysia menggesa kerajaan untuk menunjukkan kemahuan politik yang lebih kuat untuk memastikan pencemar bertanggungjawab atas kerosakan iklim pada Minggu Iklim Asia Pasifik (APCW) 2023 tahun ini, sebelum COP28 bersidang pada hujung bulan ini.

Badan bukan kerajaan tersebut menuntut perundangan yang boleh dikuatkuasakan dan sokongan dalam membina negara yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim melalui Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (THPA), Akta Perubahan Iklim, dan dengan secara proaktif mendesak dana kerugian dan kerosakan dalam COP28.

Krisis iklim didorong oleh perniagaan kotor yang memusnahkan kehidupan dan mata pencarian, semasa peristiwa cuaca maut yang memecahkan rekod terus memberi kesan kepada Malaysia. Ini termasuk kebakaran tanah gambut di [Bachok, Kelantan](#) dan [Rompin, Pahang](#) akibat panas melampau; serta banjir kilat di [Batu Pahat, Johor](#) dan [Subang, Selangor](#).

Pemimpin mesti mengakui bahawa untuk mengekalkan persekitaran yang boleh didiami, mereka mesti komited untuk menamatkan amalan yang membunuh iklim seperti penebangan hutan, kebakaran hutan dan pelepasan gas rumah hijau.

### Greenpeace Malaysia menuntut kerajaan untuk:

1. Membangunkan perundangan yang kukuh seperti THPA dan Akta Perubahan Iklim yang akan berfungsi sebagai penghalang dan menghentikan amalan yang merosakkan alam sekitar, juga memastikan pencemar bertanggungjawab dengan membayar ganti rugi kerosakan yang disebabkan.
2. Menyedari bahawa hak asasi manusia untuk persekitaran yang bersih dan sihat merupakan asas keadilan iklim dengan beralih daripada amalan pencemaran iklim menuju ke arah masa depan yang adil untuk semua.
3. Mengambil langkah secara proaktif di COP28 untuk mendapatkan dana kerugian dan kerosakan bagi membiayai usaha mitigasi dan penyesuaian iklim.

### Thing Siew Shuen, Pengurus Kempen Kanan Greenpeace Malaysia berkata:

“Pencemar besar sedang mendorong keadaan iklim yang semakin teruk yang kita alami. Industri berbahaya mesti bertanggungjawab terhadap peranan yang mereka mainkan dalam mengeksplorasi Malaysia dan mendedahkan negara kepada kerosakan yang tidak boleh diperbaiki demi keuntungan mereka sendiri. Kerajaan perlu mengambil sikap tegas untuk melindungi rakyat daripada ancaman terbesar yang akan kita hadapi pada tahun-tahun yang akan datang.

“Sebagai negara yang terdedah kepada krisis iklim, kerajaan juga mempunyai kewajipan untuk memperjuangkan hak kita ke atas dana kerugian dan kerosakan di COP28 dengan menyeru syarikat-syarikat yang telah membuat sumbangan terbesar kepada krisis iklim supaya membayar kerosakan terdahulu dan kerosakan masa depan yang disebabkan oleh operasi mereka.”

TAMAT

[Gambar tersedia, dikreditkan kepada Greenpeace.](#)

**Untuk maklumat lanjut, hubungi:**

Yvonne Nathan, Juru Kempen Digital dan Media Greenpeace Malaysia, [yvonne.nathan@greenpeace.org](mailto:yvonne.nathan@greenpeace.org) | +6017 662 8306

Thing Siew Shuen, Pengurus Program Kanan Greenpeace Malaysia, [thing.siew.shuen@greenpeace.org](mailto:thing.siew.shuen@greenpeace.org) | +60 12-368 1209